

KEMAJUAN NEGERI PERLU DI-UTAMAKAN

BANDAR BRUNEI—Keadaan kewangan negara, perniagaan, kemajuan dan ranchangan ekonomi di-negeri ini telah di-terangkan oleh perwakilan Brunei di-persidangan ECAFE (Suruhanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh) yang berlangsung di-New Delhi, ia dalam bulan lepas.

Dalam satu ucapan ketua perwakilan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, berkata bahawa keadaan kewangan negara sa-lepas perang dunia kedua ada-lah membuktikan usaha2 kerajaan hendak meluaskan tindakan2-nya.

Sa-belum perang dunia kedua kerajaan hanya mementingkan tenaga-nya kepada keamanan, ketenteraman dan urusan tanah.

"Sa-lepas perang kerajaan telah menumpukan tenaga-nya dalam lapangan ekonomi dan kemasharakatan dan satu ranchangan lima tahun dari 1953 hingga 1958 telah di-lancarkan," kata Dato Setia.

RANCHANGAN 5 TAHUN

Sungguh pun ranchangan lima tahun dan lain2 perkhidmatan negara memerlukan wang yang banyak tetapi Kerajaan tidak berasa bimbang oleh sebab hasil negeri berlembahan dari perbelanjaan di-sebabkan oleh hasil yang telah di-dapati dari perusahaan minyak.

"Sungguh pun demikian, Brunei menyadari bahawa minyak ialah satu harta yang makin lama makin kurang dan bagi menghadapi-nya beberapa langkah yang mustahak ada-lah perlu di-ambil sa-belum minyak itu habis," kata Dato Setia.

Para perwakilan Brunei itu telah mendapat pengalaman yang berguna dari perbincangan dan bahathan yang di-jalankan dalam persidangan.

Mereka telah juga membuat

Kursus hospital di-England

BANDAR BRUNEI — Sheikh Osman bin Sheikh Abdul Hanif, sa-orang hospital assistant di-rumah sakit besar, Bandar Brunei, telah berlepas ka-United Kingdom kerana mengambil kursus pertadbitan rumah sakit.

Sheikh Osman di-jadualkan balik ka-Brunei dalam masa empat bulan sa-telah tamat lathan itu.

bil bahagian dalam persidangan tersebut.

Rombongan Brunei ka-persidangan itu terdiri dari:

Dato Setia Marsal bin Maun, Timbalan Setia Usaha Kerajaan (ketua), Inche Sa'ad bin Marzuki, Setia Usaha Perkembangan (setia usaha), Yang Berhormat Inche Hamid bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara, Inche Chua Kwang Soon, Penguasa Kastam dan Inche Zaini bin Haji Ahmad, (jurubahasa kepada ketua rombongan).

hubungan dengan para2 perwakilan lain2 negeri yang mengam-



Duli Yang Maha Mulia menyambut sa-orang murid sekolah yang telah datang mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada baginda.

D. P. B. MUNGKIN RASMIKAN PEMBUKAAN MINGGU BAHASA

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara di-jangka akan membuka dengan rasmi-nya Minggu Bahasa pada pagi 10 April hadapan.

Perkara tersebut telah di-persetujui dalam meshuarat jawatan kuasa bahagian kempen Minggu Bahasa yang telah di-langsungkan di-sini baharu2 ini dengan Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, sa-bagai pengerusi.

Meshuarat itu telah bersetuju hendak mengadakan sambutan pembukaan Minggu Bahasa bagi Negeri Brunei di-hadapan bangunan pejabat2 Kerajaan di-Jalan Elizabeth kedua pada hari tersebut mulai dari pukul 8.30 pagi.

Dalam upacara tersebut ucapan2 mengenai Minggu Bahasa akan di-berikan oleh wakil2 dari

berbagai2 bangsa.

Sa-lepas istiadat pembukaan rasmi itu, satu perarakan murid2 sekolah akan di-adakan.

Sa-ramai 30 orang akan mengambil bahagian dalam tiap2 pasokan dan juga tiap2 pasokan itu di-kehendaki membawa dua chogan kata mengenai Minggu Bahasa.

KUEH DAN MINUMAN HARI RAYA

JERUDONG — Sa-rombongan yang terdiri 10 orang ahli jawatan kuasa Derma Hari Raya 1961 telah berkunjung ka-penjara di-sini untuk menyampaikan hadiah "hari raya" kepada banduan2.

Jawatan kuasa tersebut yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad telah menyampaikan hadiah2 yang berupa kueh2, buah2an, susu, ayer manis dan lain2.

Mereka telah berkunjung pada 16 March 9.00 pagi sa-telah menyampaikan hadiah yang sa-rupa itu kepada orang2 sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Di-Rumah Sakit Besar, hadiah2 itu telah di-terima oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abd. Wahab Ariff dan di-Jerudong oleh Ketua Penjaga Penjara Inche Muhammad bin Buntar.

Bom di-jumpai di-Kampung Pelumpang

MUARA — Sa-butir bom yang tidak meletup telah di-jumpai di-Kampung Pelumpang dekat sini oleh sa-pasokan ahli2 bomba dari Bandar Brunei yang telah di-kejarkan ka-kampung itu kerana melawan suatu kebakaran.

Belukar di-kampung itu telah terbakar dan bom itu telah di-jumpai terbaring di-suatu tempat lebeh kurang 200 kaki dari jalan raya.

Bom itu di-perchayai telah di-jatuhkan sa-masa perang dunia kedua tetapi tidak meletup. Panjang-nya ia-lah 5 kaki dan bulatan-nya satu kaki.

Untuk menjauhkan bahaya yang mungkin berlaku jika bom itu meletup kelak kawasan itu telah di-kawal oleh pulis.

UTAMAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN!

47 murid lulus peperiksaan School Certificate

BANDAR BRUNEI. — Empat puluh tujuh orang murid form V dari tiga buah sekolah Inggeris negeri ini telah lulus dalam peperiksaan Cambridge school certificate yang di-adakan di-negeri ini dalam bulan December tahun lepas.

Antara murid2 yang lulus itu yang berjaya sa-kali ia-lah sa-orang penuntut wanita, Chieng Hee Ching, dari maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, yang telah mendapat kelulusan istimewa atau distinction dalam lima perkara dari delapan yang di-amal-nya.

Chieng Hee Ching telah mendapat distinction dalam bahasa Inggeris, ilmu alam, mathematics, chemistry dan biology. Dengan kelulusan2 yang istimewa itu ia telah mendapat sijil pangkat pertama.

Sa-lain dari Chieng Hee Ching dua orang penuntut SOAS telah juga mendapat sijil pangkat pertama ia-itu; Zainal bin Abdul Ghani dan Chen Yun Kyun (wanita).

Sa-orang penuntut wanita Melayu dari SOAS, Azizah binti Yakin ia-lah wanita yang tunggal yang telah lulus peperiksaan itu dari Brunei dalam tahun lepas. Azizah telah mendapat sijil pangkat ketiga.

Semua-nya 74 orang telah memasuki peperiksaan school certificate itu dalam tahun lepas dari tiga buah sekolah ia-itu: SOAS College, Brunei, Anthony Abell College, Seria dan St. Margaret School, Seria.

Dari 47 orang yang telah berjaya 25 orang ia-lah penuntut SOAS College, Brunei.

Sa-lain dari penuntut2 SOAS empat orang penuntut St. Margaret telah mendapat sijil pangkat pertama. Enam belas orang

penuntut dari sekolah itu telah berjaya dalam peperiksaan.

Enam orang dari delapan orang penuntut Anthony Abell College yang memasuki peperiksaan itu telah berjaya mendapat sijil pangkat kedua dan ketiga.



Chen Yun Kyun.



Dari kiri: Azizah binti Yakin, Zainal bin Abdul Ghani dan Chieng Hee Ching.

Penuntut2 Brunei di-Persekutuan

BANDAR BRUNEI. — Empat puluh tujuh orang bekas penuntut2 dari Brunei sedang melanjutkan pelajaran di-Persekutuan Tanah Melayu seperti berikut :—

Dua puluh dua orang di-Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan; 18 orang di-Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh; 5 orang di-Maktab Perguruan Khas, Kuala Lumpur dan 2 orang di-Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Perlumbaan "go-kart"

SERIA. — Perlumbaan kereta "go-kart" yang di-gemari oleh pemandu2 kereta di-sini telah di-adakan di-kawasan khas perlumbaan kereta tersebut di-sini baharu2 ini.

Perlumbaan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Kereta2 Negeri Brunei dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan pemandu2 kereta go-kart lelaki dan perempuan.

16 PEMUDA PEMUDI LANJUTKAN PELAJARAN DI-PERSEKUTUAN

BANDAR BRUNEI. — Enam orang bekas penuntut2 sekolah2 Inggeris Kerajaan telah di-pilih untuk melanjutkan pelajaran dalam ilmu perguruan di-Persekutuan Tanah Melayu.

Penuntut2 itu ia-lah Naemah binti Razali dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan lima orang dari Anthony Abell College, Seria ia-itu seperti di-bawah ini :—

Hussain bin Mahari, Saban bin Lahit, Mohamed bin Bakar, Alim bin Kunchol dan Abdul Rahman bin Metali.

Mereka akan melanjutkan pelajaran di-Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan sa-lama tiga tahun dan di-jadual akan berlepas dari Brunei dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada hari Sabtu 8 April.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa enam orang penuntut2 sekolah2 Melayu di-negeri ini telah di-pilih untuk melanjutkan pelajaran di-Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman di-Ipoh, Perak.

Tiga orang dari mereka ia-lah bekas penuntut Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; dua orang dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangor, Temburong; dan sa-

orang dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

Penuntut2 itu ia-lah Hanapi bin Mohamed Sugot, Abdul Jalil bin Mohamed Daud dan Mohiddin bin Haji Othman — semuanya bekas penuntut Sekolah Melayu S.M.J.A.

Awang Hussain bin Ampuan Tahir dan Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahim dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangor Temburong.

Sa-orang lagi penuntut ia-lah Abdul Hamid bin Mohamed Daud dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

Mereka di-jadual akan berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Persekutuan Tanah Melayu pada pukul 11.15 minit bisok pagi, hari Khamis 6 April.

Hari Ibu Bapa

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan mengadakan sambutan Hari Ibu Bapa di-sekolah masing2 dalam bulan April ini dan juga dalam bulan hadapan.

BUKU2 PAMERAN MINGGU BAHASA

BANDAR BRUNEI. — Hampir 2,000 jenis buku2 Melayu yang di-karang oleh pengarang2 dan sasterawan di-tanah ayer dan negara2 tetangga kita telah di-kumpulkan untuk di-pamerkan dalam pameran Minggu Bahasa yang akan berlangsung pada 10 hingga 16 April hadapan.

Ini telah di-nyatakan oleh Inche' Masri bin Dato Haji Md. Yusuf, Setia Usaha Jawatan Kuasa Kecil Badan Pameran Buku2 Minggu Bahasa baharu2 ini.

Dari masa ini hingga menjelang Minggu Bahasa, usaha2 untuk mendapatkan buku2 lama yang berupa hikayat2, cerita2 tua dan surat2 perjanjian yang ditulis oleh orang2 Melayu pada zaman dahulu kala telah di-tugaskan kepada Ketua2 Kampong sa-lain dengan daya usaha dari Jawatan Kuasa Badan Pameran Buku2 supaya dapat di-pamerkan dalam Minggu Bahasa.

Inche' Masri berkata: "Pejabat2 Kerajaan telah di-minta supaya mengiriskan kertas2 surat menyurat dan perhubungan yang mengandungi kerja2 yang dijalankan di-tiap2 pejabat dengan menggunakan bahasa Melayu supaya dapat di-pamerkan."

Sokongan kepada Minggu Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Keda2 perniagaan orang2 China di-sini akan di-rutup sa-lama sa-hari pada 10 April berikutan dengan Minggu Bahasa yang akan di-mulai pada hari itu hingga 16 April hadapan.

Ini, ada-lah sa-bagai menyambut dan penghormatan orang2 China pada Minggu Bahasa yang sangat besar erti-nya kepada penduduk2 negeri ini.

Keputusan ini telah di-amal dalam mesuarat Jawatan Kuasa Persekutuan Perniagaan China yang berlangsung pada 29 March lepas, di-pengerusikan oleh Yang Di-Pertua-nya, Inche Lim Boon Koon.

Inche' Lim Boon Koon berkata bahawa Minggu Bahasa ada-lah satu saluran penting untuk mencari jalan persafahaman dan perpaduan antara penduduk2 negeri ini dengan menggunakan bahasa rasmi di-negeri ini.

CHARA-CHARA MENJAGA DAN MENANAM KOPI DI-KAMPONG

Kopi itu di-kenali orang dan ia di-tanam dengan sa-chara ar2an di-Pulau Ceylon pada tahun 1825 dan hingga pada masa ini tanaman kopi telah di-dapati dalam negeri kita dan negeri2 jiran kita.

Dalam negeri kita pokok kopi boleh tumbuh dengan subur-nya dan boleh di-usahakan dengan chara besar2an dan boleh mendatangkan hasil jika menurut peraturan yang tertentu.

Tetapi chuma tiga jenis sahaja yang di-sebut dan di-ketahui serta di-jumpa di-negeri kita ini, ia-itu kopi Liberian, Congo atau Robusta dan kopi jawa (Arabica).

Keadaan kopi Liberian pokok-nya tegap dan tinggi-nya lebih kurang 30 kaki, daun-nya lebar sedikit tidak berapa berkeradot dan tebal sedikit, buah-nya kecil, kulit buah-nya tebal dan ke-dit mengandungi dua biji buah kembar, pendapatannya lima hingga enam pikul pada sa-ekar tanah tiap2 tahun.

JARAK BERTANAM

Jarak bertanam ia-lah dua belas kaki persegi boleh dapat 302 pokok pada sa-ekar, pokok ini boleh di-tanam di-tepi laut pada tanah mengandungi zat masam, dan boleh mengeluarkan buah dalam masa umur-nya sa-tahun sa-tengah sa-lepas di-tanam.

Keadaan kopi Congo atau Robusta pokok-nya tidak berapa tinggi lebih kurang sa-puluh kaki, daun-nya berkeradot tidak berapa tebal, buah-nya kecil, kulit buah-nya nipis senang di-lechitkan mengandungi dua biji buah kembar, pendapatannya empat hingga enam pikul pada sa-ekar tanah tiap2 tahun, dari sa-puluh bahagian buah boleh dapat lima bahagian biji.

Jarak bertanam sa-puluh kaki persegi, boleh dapat 435 pokok pada sa-ekar. Tanah yang sa-suai ia-lah tanah daratan yang tidak mengandungi tanah masam.

Keadaan kopi jawa (Arabica) pokok-nya lebih kurang sama seperti kopi Robusta juga, tetapi pokok-nya rendah sedikit dari kopi Robusta, daun-nya berkeradot, tidak berapa tebal buah-nya kecil dari buah kopi Robusta, kulit buah-nya nipis juga senang di-lechitkan, kebanyakan buah-nya mengandungi biji tunggal, mengikut pendapatannya dari ahli2 tani yang biasa bertanam.

Kopi ini-lah yang lebih baik dan tahan pokok-nya, hasil pendapatannya boleh dapat dari lima hingga tujuh pikul pada sa-ekar tiap2 tahun.

Jarak bertanam sama-lah juga seperti kopi Robusta, tanah yang sa-suai ia-lah tanah daratan yang tinggi dan berbukit2 yang tidak mengandungi tanah masam.

Chara2 memilih benih hendaklah di-buatkan batas empat kaki lebar dan panjang-nya mengikut maksud kita, batas2 itu hendaklah di-buatkan lindungan,

Kopi ia-lah sa-jenis minuman yang berfaedah bagi kita, faedah kopi ini telah di-ketahui oleh manusia seluruh dunia dari semenjak kurun yang kelima belas, terutama sa-kali oleh orang Abyssinia.

lepas itu baharu-lah di-semaikan biji2 itu kira2 dalam-nya sa-tengah inchi dan jarak-nya enam atau sembilan inchi.

Apabila satu sa-tengah hingga dua bulan sa-lepas menyemai biji2 itu mulai-lah berchembah, pada masa itu mula-lah membuka lindungan-nya sa-chara beransor2.

Sa-telah umur-nya lima hingga enam bulan mempunyai empat pasang daun sa-belum memindah ka-ladang boleh-lah di-biarkan dalam semaian, tetapi yang sa-elok2-nya anak2 kopi itu di-pindahkan ka-dalam bakul, bayong atau ruasan buloh supaya senang mengangkat dan memindahkan ka-ladang.

Pada masa hendak memindah ka-ladang mahu-lah terlebih dahulu di-bersekan kawasan ladang itu dari pada semak2 rumput dan kayu2, lepas itu baharu-lah mengukor dan mendirikan panchang mengikut jarak2 yang di-kehendaki dengan menggali lobang satu sa-tengah kaki persegi dan dalam-nya dua kaki.

kan terdedah sa-lama sa-bulan lepas itu baharu-lah di-bubuhkan LOBANG2 DI-BAJA

Lobang itu hendaklah di-beri baja, kemudian di-timbuskan balek lobang2 itu, tanah yang di-sabelah atas timbuskan ka-sabelah dalam dan tanah sa-belah dalam di-timbuskan ka-sabelah atas, biarkan tanah itu membubong dari muka lobang itu.

Akhir-nya tanah itu akan turun sama rata dengan lobang itu, apabila musim hujan boleh-lah mulai bertanam. Pada masa bertanam anak2 pokok itu hendaklah dikeluarkan dari ruasan buloh, jika anak2 kopi di-taruh dalam ru-

san buloh, bertanam jangan-lah terlampau dalam dan akar tunjang-nya jangan di-biarkan berlipat, keliling anak pokok itu hendaklah di-kemaskan tanah-nya di-tekan2 jangan di-biarkan longgar supaya anak2 pokok itu akan terus hidup.

Samenjak anak2 pokok itu sudah di-tanam hendaklah di-jaga dan di-pelihara dengan membersekan rumput dan menggemburkan tanah di-sakeliling pokok-nya.

ZAT2 MAKANAN

Pekerjaan membaja pokok ini ada-lah mustahak di-perbuat kerana mengadakan zat2 makanan yang tertentu bagi kesuburan pokok2 itu, peratoran membaja ada-lah mengikut sukatan umur pokok2 itu dan banyak yang di-bahagikan lazim-nya pokok2 yang baharu di-tanam elok-lah di-buboh baja NPM 4 sa-banyak tiga tahlil pada sa-pokok, tujuannya supaya menyubur dan membesarkan daun - nya, apabila umur-nya sampai sa-tahun elok-lah di-ulangi lagi membaja dan umur-nya dua tahun di-buboh pada sa-banyak sa-tengah kati pada sa-pokok.

Perbuatan membaja ini hendaklah mengikut peraturan terator dan boleh juga membaja ladang kebiasaan-nya berkehendangan menggunakan najis binatang seperti lembu sa-banyak 34 kati pada sa-pokok yang berumur lima tahun ka-atas.

Pokok kopi yang di-tanam berkehendakan pokok lindungan, dari itu mustahak-lah pada barisan pokok2 itu di-tanamkan pokok pelindung seperti pokok pisang dan lain2-nya yang boleh mendatangkan hasil kepada kita. Po-

kok2 kopi ada-lah berkehendakan naongan dan hawa yang lembab.

Ada-lah mustahak di-kaji mana2 dahan atau tunas yang tidak di-gunakan, faedah-nya supaya pokok2 itu mendapat udara yang cukup. Pokok2 itu akan hidup dengan subur-nya dan mengeluarkan buah yang banyak.

Musoh daun kopi ada dua jenis yang kerap berlaku merosakkan ia-itu Cucusbrius kebiasaan-nya merosakkan di-bahagian daun yang maseh muda pokok2 yang di-serang-nya ta'mahu besar (tergenchat), bagi menjauhkan-nya ia-lah menggunakan rachun akar tuba yang sudah di-tumbok diambil ayer-nya, kemudian di-rinjiskan kepada daun2-nya dengan menggunakan alat pemanchut perbuatan sendiri atau dagangan.

Sa-jenis lagi ia-lah Chponedeshyles kebiasaan-nya merosakkan daun juga, menyebabkan daun2 itu seperti terkena gunting, bagi menjauhkan-nya hendaklah di-kutip dan di-binasakan dan menggunakan rachun Lead Arsnite, 4 bahagian rachun ini champor dengan 25 bahagian ayer di-rinjiskan daun2 itu dengan menggunakan alat pemanchut juga.

DUA JENIS MUSOH

Musoh2 buah ada dua jenis juga yang kerap berlaku merosakkan ia-itu sa-jenis kumbang kebiasaan-nya merosakkan buah2 kopi menyebabkan buah2 itu patoh sa-belum cukup masak, bagi mengelakkan ia-lah chara "Rampasan", ia-itu bunga dan buah2an hendaklah di-buang jangan di-beri berbuah sa-lama enam bulan, dan sa-jenis lagi ia-lah Cryhalushempei, rupa-nya sa-akan2 kumbang tetapi halus, kerap kali merusakkan buah kopi yang maseh muda, buah2 itu jatuh tidak sampai masak. Bagi mengelak dan menjauhkan ia-lah dengan jalan "Rampasan" juga, di-kutip bunga dan buah itu atau menggunakan rachun D.D.T. mengikut atoran yang tertentu dengan menggunakan alat pemanchut juga.



Ahli2 Jawatan Kuasa Derma Hari Raya 1961 di-ketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad telah melawat rumah sakit besar Brunei dan penjara Jerudong sa-belum Hari Raya untuk menyampaikan hadiah2 kueh dan minuman. Gambar ini menunjukkan ahli2 jawatan kuasa itu bersama pegawai2 rumah sakit.

SAMBUTAN HARI RAYA DI-SELUROH NEGERI BRUNEI

Putera sulong kepada Duli Yang Maha Mulia ia-itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan putera yang kedua kepada Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan ramai kerabat Diraja telah juga berangkat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin untuk bersembahyang raya.

Sa-lepas bersembahyang raya, Duli Yang Maha Mulia serta putera2 Baginda dan beberapa orang kerabat Diraja telah melawat ka-beberapa buah rumah orang2 Islam di-Kompong Ayer, Kampong Darat dan juga di-lain2 tempat.

Semenjak Hari Raya yang kedua hingga ka-Hari Raya yang ke-enam sa-ramai 12,498 orang dari berbagai2 bangsa, lelaki dan perempuan telah ber-kunjong ka-Istana Darul Hana untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan juga kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta putera2 dan puteri2 Baginda.

MELAWAT ISTANA

Tiap2 orang yang melawat ka-Istana Darul Hana pada masa tersebut telah di-hadiahkan kad ucapan Selamat Hari Raya daripada Duli Yang Maha Mulia mengandungi gambar Baginda.

Pada pelawat ka-Istana Darul Hana pada masa tersebut juga telah di-beri jamuan minuman dan kueh raya.

Dalam ucapan "Selamat

Penduduk2 Islam di-seluruh Negeri Brunei telah menyambut Hari Raya Idul Fitri pada tahun ini dengan sa-chara besar2an dari tahun2 yang lalu.

Diantara achara2 yang di-adakan ia-lah Malam Ugama, Malam Anika Warna, Sandiwara dan lain2-nya.

Pada pagi Hari Raya yang pertama orang2 lelaki Islam telah membanjiri Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei kerana menyempurnakan sembahyang Hari Raya.

Sa-bagai mana pada tahun yang lalu, maka pada tahun ini juga Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah berangkat ka-mesjid yang menggunakan nama Baginda pada pagi Hari Raya di-mana baginda telah bersembahyang hari raya dan juga membachha khutbah.

Dengan tamat Ramadan itu, dapat-lah kita sakalian insaf dan sedar bagai mana susah payah kita sakalian menyempurnakan puasa sa-bulan Ramdhan. Maka dengan kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kita menyambut awal Shawal, di-perentahkan kita ber-ramai2 bertakbir, menguchap shukur dan mengaku kehambaan kita sakalian menguchapkan Takbir itu dengan suara bergembira bunyi-nya; Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Allah hu-akbar, La'ilaha Illallah Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar Walilahlil Hamd.

"Maka takbir-lah orang2 Islam di-sagenap pelusok yang bergemuruh bahna-nya bunyi melaungkan suara bertakbir itu. Maka suara takbir itu sangat besar erti-nya pengaruh-nya kepada roh dan perasaan jiwa orang2 Islam, satu daripada-nya ia-lah menandakan

menambah perasaan muhibbah yang lebih kukuh lagi di-antara satu dengan lain-nya, maka patut-lah di-layangkan fikiran kita sakalian daripada mengingatkan Allah dengan ingatan dan pandangan yang sa-mata2 kepada ahwal dunia kepada ahwal alam Islam, terutama kepada hal-ahwal tanah ayer kita kepada kejadian, dan kepada perubahan yang sedang berlaku dan yang akan berlaku yang akan menentukan untung rugi sama ada tenggelam atau timbul bangsa kita ini-semuanya itu patut-lah di-ambil berat oleh tiap2 bangsa kita dan orang Islam, supaya dapat menjalankan usaha, ikhtiar bagi mengawal dan menyamatkan ugama bangsa dan Negara kita.

MEMUASKAN HATI

"Al-Hamdulillah, di-dalam beberapa tahun yang sudah, keadaan umat Islam di-Negeri Brunei kita ini di-tiap2 bulan

daraan kita umat2 Melayu khas-nya dan umat Islam ya ada am-nya bagi mengukuhkan muhibbah dan sentiasa berbait2 sangka dan bantu membantu di-antara satu dengan lain terutama sama2 bangsa dan Ugama. Maka itu-lah patut atau sa-elok2-nya menjadi niat kepada kita di-samping menyambut hari yang mulia ini.

"Persatuan hati dan niat sama kita kerana untuk menuju kemajuan negara ya'ni (Tanah Ayer kita) ada-lah sangat2 diharapkan, sa-bagai kata bidalan "Bulat ayer kerana penibetong, bulat manusia kerana mukafat". Maufakat itu berkat. Dengan kebulatan tikar dan niat atau niat kita kerana tujuan yang baik ini-lah sahaja kita harus akan dapat mencapai kemajuan.

KEWAJIPAN UGAMA

"Dengan kata yang lain saya berharap kepada semua lapisan bangsa kita orang Melayu, khas-nya dan umat Islam am-nya, niat dan titik kita yang suchi itu, bukan sahaja pada mengerjakan khas bagi segi kewajipan ugama. Hendak-nya biar-lah kalau boleh dengan sa-besarnya dapat dan sa-daya upaya kita, akan menjadikan sa-bagai amalan pada masa kita tumpukan atau dapat menetapkan hati dengan niat yang suchi untuk perbuatan kebajikan, kebaikan saudara dan masyarakat kita di-Negeri Brunei ini.

"Di-sini saya dengan sukacita memberi lagi sedikit, ia-itu saya berdoa mudah2an kita sakalian kaum Muslimin, dipanjangkan umur dan dapat mengerjakan ibadah2 yang di-suroh dan kerana Bangsa masyarakat dan terutama sa-kali untuk ugama kita kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

"Ugama bangsa dan tanah ayer kita, ada-lah sa-elok2-nya jalan atau tempat kita menumpukan ka-ikhlasan dan niat yang suchi bagi memperbuat atau melaksanakan chita2 kita yang ikhlas untuk bangsa dan masyarakat dan saya berdoa juga moga2 kita sakalian dapat menyambut Hari Raya di-beberapa tahun yang akan datang dengan keadaan sehat afiat, Amin, Yarabbul Alamin."

Sa-lain dari Duli Yang Maha Mulia, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White dan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah juga menguchapkan "Selamat Hari Raya" kepada penduduk2 Islam di-negeri ini.

Tuan White berkata:

"Terlebih dahulu saya ucap-

(LIHAT MUKA TUBUH)



Sa-kumpulan murid2 sekolah bergambar ramai di-hadapan bangunan jamuan di-kawasan Istana Darul Hana, Bandar Brunei, sa-belum naik ka-Istana untuk menguchapkan "Selamat Hari Raya" kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Hari Raya" yang di-siarkan melalui Radio Brunei, Duli Yang Maha Mulia berkata:—

"Saya pada pagi ini mengambil peluang melafazkan sedikit ucapan, ia-itu memberi Selamat atau tahniah menyambut Hari Raya Fitriah Tahun 1380 bagi umat yang beragama Islam, khas-nya di-Negeri Brunei ini dan am-nya di-sekitar alam.

"Al-hamdulillah tamat-lah Ramadan, masuk pula Shawal.

atau tanda menunjukkan orang2 Islam tunduk mengabdikan dan menyandarkan jiwa-nya kepada Allah Subhanahu Wata'ala sahaja, dan tidak kepada yang lain2.

"Maka dalam keadaan kita menyambut Hari Raya ini dengan bersuka ria dan ziarah menziarahi kaum kerabat, saudara2 serta sahabat handai, dan berma'af2 berserta mengapuskan segala apa2 kemuskilan antara kita sakalian dan agar

Ramadan ada-lah memuaskan hati, sungguh pun peratoran2 telah di-perbuat, maka tidak ada di-dapati sa-orang yang melanggar tetap di-tabahkan sa-balek-nya sentiasa menta'ati hukuman Tuhan, kebanyakan bilangan mereka berpuasa.

Mudah2an dengan sempena menyambut hari yang bersejarah dan bulan yang mulia ini, akan lebih2 lagi akan dapat mengukuhkan iman dan mem-baharui ikatan perasaan persau-

Guru2 desak Kerajaan adakan dasar pelajaran

BANDAR BRUNEI.—Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menyatakan harapan-nya kepada Kerajaan supaya dengan sa-daya upaya mengadakan "dasar pelajaran" yang sudah lama dinanti2kan itu.

PGGMB berpendapat bahawa "dasar pelajaran" itu adalah menguntungkan kepada ra'ayat dan kepada Kerajaan terutama bagi pehak Jabatan Pelajaran.

Dengan ada-nya "dasar pelajaran" itu, Jabatan Pelajaran akan lchin menjalankan rancangan2 perkembangan pelajaran di-negeri ini dengan berpandukan satu dasar pelajaran sa-mata2.

Demikian di-tegaskan oleh Inche' Othman bin Bidin, Yang Di-Pertua PGGMB dalam pembukaan meshuarat agong persekutuan tersebut kali ke-14 yang telah dirasmikan oleh Yang Terutama Pehak Jaya Tinggi British di-Brunei, Tuan D. C. White pada 24 March lepas di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini.

Inche' Othman berkata: "Se-suai dengan pendirian PGGMB yang berdasarkan bekerja sama dengan Kerajaan "PGGMB berharap kepada Kerajaan supaya dengan sa-daya upaya dapat menyediakan satu "dasar pelajaran" untuk negeri ini."

Yang Di-Pertua PGGMB itu juga menjelaskan keyakinan-nya bahawa dengan ada-nya dasar pelajaran itu akan melichinkan rancangan2 Jabatan Pelajaran di-negeri ini dengan mengikut satu maksud dan tujuan untuk kebahagiaan ra'ayat.

Berchakap mengenai Sekolah Menengah Melayu yang sedang di-ura2kan penubuhan-nya oleh Kerajaan itu Inche Othman mengadakan-nya walau pun pada masa sekarang telah ada beberapa darjah lanjutan yang di-ura2kan menjadi Sekolah Menengah Melayu.

Inche Othman berkata: "Tetapi PGGMB berasa kesal yang Kerajaan belum memberi apa2 layanan yang chukup untuk merupakan satu Sekolah Mene-

Pesuroh Jaya Pulis balek

BANDAR BRUNEI.—Pesuroh Jaya Pulis, Tuan A. N. Outram yang telah berada di-Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu, beberapa hari lama-nya kerana hadir dalam persidangan Pesuroh2 Jaya Pulis negeri2 Tenggara Asia telah balek ka-Brunei dalam minggu lepas.

Tuan Outram berkata bahawa segala perkara mengenai kewajipan2 pulis telah di-binchangkan di-persidangan tersebut oleh wakil negeri2 yang berkenaan.

Tuan Outram di-jangka akan menyampaikan satu laporan kepada kerajaan kelak berhubung dengan persidangan itu.

ngah Melayu, terutama so'al mengadakan guru2."

"Beliau telah juga mengulas berhubung dengan sungutan2 dari ibu bapa yang akan menghantar anak2 mereka melanjutkan pelajaran-nya ka-Sekolah2 Inggeris Kerajaan dan ka-Darjah2 Lanjutan dengan tiada mem-

punyai rumah tumpangan.

"Perkara ini sa-wajib-nya diberi layanan dan "PGGMB berharap sa-kali lagi kapda Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengatasi kesulitan2 itu; "tegas beliau.

Sa-lain lebeh 300 orang ahli, pembukaan majlis meshuarat itu juga telah di-hadiri oleh para jemputan khas yang terdiri dari wakil2 pertubohan dalam Negeri Brunei termasuklah Partai Ra'ayat, Pertubohan Kebangsaan Brunei, Barisan Buroh Bersatu, Dewan Perniagaan China dan Persatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan serta beberapa orang ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.



Bertafakkar sa-belum meshuarat agong PGGMB di-jalankan. Dari kiri: Inche Lim Boon Koon, Inche A. M. Azahari, Inche Idris, Tuan D. C. White, Inche Othman dan Inche Abdul Manan.

GERAKAN "KINABALU" TELAH KURANGKAN KEMATIAN KANAK2

BANDAR BRUNEI.—Gerakan Kinabalu yang di-lancharkan dalam tahun lepas sa-bagai satu langkah untuk mengurangkan kematian kanak2 yang baharu di-lahirkan telah memberi hasil yang memuaskan.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Mohamed Ariff, berkata bahawa kematian kanak2 yang berumur kurang dari sa-tahun dalam tahun lepas ia-lah yang sa-habis sedikit jika di-kira panjang bilangan kematian tiap2 tahun sa-lama 10 tahun dari tahun 1950 hingga tahun 1959.

Kematian yang berjumlah 295 atau 71.9 orang bagi 1,000 orang kanak2 yang di-lahirkan di-seluruh negeri dalam tahun lepas itu ia-lah juga kurang dari kematian kanak2 di-Persekutuan Tanah Melayu bagi tahun tersebut.

Dr. Wahab berkata bahawa langkah meluaskan tanggung jawab pejabat perubatan dan gerakan menyuntik 12,000 orang kanak2 dari di-serang oleh berbagai2 penyakit dalam tahun lepas mungkin telah mengurangkan kematian kanak2.

Kematian yang banyak sa-kali berlaku ia-lah bagi Daerah Tutong dengan hitungan 105.7 orang bagi 1,000 orang kanak2 yang di-lahirkan. Angka kematian bagi Kampong Ayer ia-lah 87.4.

Sungguh pun kematian telah kurang tetapi angka itu masih besar jika di-bandingkan dengan negeri2 yang telah maju seperti Sweden (16), Belanda (17), New Zealand (19), Australia (20) dan Switzerland (22).

Kejayaan kelab perahu layar Brunei dalam perlumbaan

BANDAR BRUNEI.—Royal Brunei Yacht Club telah menjadi naib johan dalam perlumbaan2 kapal layar bagi merebutkan perisai Hales dan piala perak "Dusty" Miller di-Jesselton, Borneo Utara baharu2 ini dalam perlumbaan2 itu Jesselton Yacht Club telah menjadi johan.

Jesselton Yacht Club juga telah menjadi johan dalam perlumbaan kapal layar bagi merebutkan piala perak "Dusty" Miller.

Royal Brunei Yacht Club menjadi naib johan dan Miri-Belait Boat Club mendapat tempat yang ketiga.

Samentara itu, Yunus bin Tun-din, sa-orang ahli tinju yang terkenal di-negeri telah membawa balek ka-Brunei dari Sandakan dua buah piala perak yang besar pada hari Ithnin yang lalu.

Sa-buah piala perak itu di-

MINGGU BAHASA DARI 10 16 APRIL

BANDAR BRUNEI.—Minggu Bahasa bagi seluruh Negeri Brunei akan di-adakan mulai dari 10 hingga 16 April.

Dalam masa itu akan di-adakan berbagai2 pertandingan untuk merebutkan gelaran kejohanan sa-negeri.

Peserta2 yang berjaya dalam pertandingan2 yang telah di-langsungkan di-Daerah2 Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam pertandingan2 tersebut.

Sa-lain dari itu akan di-adakan pameran buku2 bertempat di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei, dan lain2 achara yang meriah.

KEPUTUSAN PERADUAN MEMBACHA KORAN

BANDAR BRUNEI.—Dua orang wakil Brunei, Inche Sabtu bin Ahmad dan Inche Mohamed Yusof bin Abdul Latif, dalam peraduan membacha Koran yang di-adakan di-Kuala Lumpur baharu2 ini telah berjaya mendapat tempat yang kedua belas dan kesembilan.

Antara negeri2 yang menghantar wakil dalam peraduan tersebut ia-lah Filipina, Pakistan, Siam, Sarawak dan Mesir.

Kursus dispenser di-Kuala Lumpur

BANDAR BRUNEI.—Inche Leong Siew Wai dari rumah sakit besar di-sini telah berlepas ka-Kuala Lumpur baharu2 ini kerana berlathe menjadi sa-orang dispenser.

hadiahkan kepada-nya sa-bagai pemain tinju yang terbaik sa-kali di-antara pemain2 tinju yang kalah dalam pertandingan tersebut dan sa-buah lagi piala perak ia-lah kerana ia mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Oleh kerana Brunei hanya di-wakili oleh sa-orang sahaja ahli tinju, maka negeri ini tidak-lah dapat mengambil bahagian dalam pertandingan tinju di-antara pasokan2 dari beberapa daerah bagi merebutkan perisai Turnbull.

34 dapat hadiah Keputusan peraduan "Bintang Radio"

SERIA. — Tiga puluh empat orang penuntut2 sekolah2 Inggeris di-Bandar Brunei dan Seria telah di-beri pelajaran perchuma oleh Sharikat Minyak Brunei Shell, pada tahun 1961.

Di-antara penuntut2 tersebut termasuklah beberapa orang yang telah mendapat pelajaran perchuma itu sa-kali lagi pada tahun ini.

Tujuan Sharikat Minyak Brunei Shell memberi pelajaran perchuma tersebut ia-lah untuk memberi peluang kepada penuntut2 berbagai2 bangsa dalam negeri ini bagi mencapai darjah2 pelajaran yang tinggi.

Hadiah2 itu telah di-berikan oleh sharikat minyak tersebut dari sinarai nama2 yang telah di-beri sokongan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Nama2 beberapa orang lagi penuntut2 yang akan di-beri hadiah2 pelajaran perchuma oleh sharikat minyak itu untuk tahun ini akan di-umumkan pada masa hadapan kelak.

PELAJARAN PERCHUMA

Penuntut2 yang berjaya mendapat hadiah2 pelajaran perchuma darjah sembilan yang baharu sa-lama dua tahun mulai pada tahun ini ia-lah:

Umar bin Haji Serudin, Ibrahim bin Mat Yassin, Abdul Rahman bin Razalli, Awangku Duraman bin Pengiran Baha, Nordin bin Mohamed Yusof, dan Han Foo Kuang — semua-nya dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Lucy Leong Mee, C. Chong Oi Lin dan M. Yong Siew Hieun — semua-nya dari Sekolah Saint Angela Convent, Seria.

Syn Yun Fah dari Anthony Abell College, Seria.

George Gumma, Yapp Fook Sang, Chung Kuang Hock, Leong Chen Wah dan Lim Thien Peng — dari Sekolah Saint Michael, Seria.

Hadiah2 khas untuk mempela-jari Form Enam telah di-berikan kepada Lim Eng Ming dan Yapp Kai San dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Hadiah2 pelajaran perchuma yang telah di-sambungkan semula telah di-berikan kepada penuntut2 darjah sembilan seperti di-bawah ini:

Noraini binti Ahmad, Mohamed Arshad Ali, Masni binti Awang, Thien Wee Ho, Chin Vui Kheng, Awangku Mohamed Zain bin Pengiran Haji Lampoh, Yap Sook Kiat dan A. Latif bin Ibrahim — semua-nya dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Wong Mo Lian, Chee Goy Lian dan Margaret P. Warrier — dari Sekolah Saint Angela Convent, Seria.

Leong Cho Kwan, Lim Jock Seng dan Daniel Lim — dari Sekolah Saint Michael, Seria.

Kok Pui Wah, Lau Soo Ha dan Hong Siew Yin — dari Anthony Abell College, Seria.

Pemilehan 59 orang guru

BANDAR BRUNEI. — Lima puluh sembilan orang penuntut2 sekolah2 Melayu dari seluruh Brunei telah di-pilih untuk menjadi guru2 pelateh. Bilangan tersebut ada-lah mengandungi 49 orang lelaki dan 10 orang perempuan.

PENUNTUT2 MELAYU ADAKAN PERHIMPUNAN HARI RAYA

BANDAR BRUNEI. — Beratus2 orang murid2 sekolah2 Melayu lelaki dan perempuan dalam Bandar Brunei telah bergembira dan bersuka ria dalam satu perhimpunan Hari Raya antara mereka di-kawasan padang Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada Hari Raya yang ketiga baharu2 ini.

Guru2 Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Lela

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang biduan dan sa-orang biduanita dari Bandar Brunei telah berjaya memenangi gelaran johan2 pertandingan Bintang Radio Negeri Brunei Tahun 1961.

Biduan itu ia-lah "Kamran Shah" yang telah menjadi naib johan pertandingan Bintang Radio Steshen Brunei tahun ini, manakala eglaran johan bahagian wanita pula di-menangi oleh Sahara Ahmad yang juga menjadi naib johan pertandingan Bintang Radio Steshen Brunei, tahun ini.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei pada malam 25 March yang lalu dan di-pancharkan terus melalui Radio Brunei dengan serentak.

Keputusan penoh pertandingan

Alias (Seria-Belait), 4. Ali Paun (Seria-Belait) dan 5. M. Bakri (Temburong).

Bahagian wanita: 1. Sahara Ahmad (Bandar Brunei), 2. Norleha binti Mohamed Noor (Seria-Belait), 3. Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said (Seria-



Dari kiri: Norleha, Sahara Kamran Shah dan P. Samin.

itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian lelaki: 1. "Kamran Shah" (Bandar Brunei), 2. P. Samin (Bandar Brunei), 3. H.S.

Belait), 4. A.B. Mashani (Tutong) dan 5. Asiah Sirat (Bandar Brunei).

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampai-kan hadiah2 kepada biduan2 dan biduanita2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Puspa Ragam Orkest telah bermain di-temasha tersebut. Sebelum pehak Radio Brunei mengumumkan keputusan pertandingan itu tiga orang ahli2 kelakar yang terkenal, ia-itu Kamaludin — Othman Kamarudin dan Mydin telah mempersembahkan satu lakonan lawak jenaka.

MURID2 BAHARU SEKOLAH MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Hampir 10,000 orang murid2 belajar di-sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei pada tahun ini. Di-antara murid2 itu ia-lah 1,505 orang murid2 baharu.

Hingga ka-akhir bulan March yang lalu, ada sa-banyak 55 buah sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei ia-itu:—

Daerah Brunei 18 buah, Daerah Tutong 13 buah, dan Daerah Temburong 10 buah. Lain2-nya ia-lah 9 buah di-Daerah Belait dan 3 buah dalam Kawasan Pekan Brunei.



Sa-bagaimana lain2 mesjid di-negeri ini mesjid Tutong telah di-banjiri oleh kaum Muslimin pada pagi Hari Raya pada 19 March lalu kerana sembahyang Hari Raya.

Lembaga hokey atorkan badan2 untok pertandingan

BANDAR BRUNEI — Pertandingan hokey antara pasukan2 di-Bandar Brunei akan di-adakan mulai pada pertengahan bulan ini.

Perkara ini telah di-persetujui dalam mesyuarat Lembaga Hokey Bandar Brunei di-Bilik Persidangan, Civic Centre pada minggu yang lalu.

Wakil2 dari tujuh persatuan2 hokey telah hadir dalam mesyuarat tersebut iaitu seperti di-bawah ini:

Civic Centre, Polis, Jabatan Pelajaran, Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei, Pejabat Ukor, Sultan Omar Ali Saifuddin College dan Persatuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Tuan Gwyn Roberts dari Chartered Bank telah di-lantik sebagai menjadi bendahari Lembaga Hokey Bandar Brunei.

3 JAWATAN KUASA

Mesyuarat itu telah membenarkan lima buah jawatan2 kuasa iaitu jawatan kuasa pemilihan, lembaga pengadil, lembaga penyiasatan, jawatan kuasa padang dan bola hokey dan jawatan kuasa membuat rancangan pertandingan.

Ahli2 jawatan kuasa tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Jawatan kuasa pemilihan — Tuan Norman Vowles, Tuan David St. J. Forrer dan Tuan O.R. Thomas.

Lembaga pengadil2 — Tuan Norman Vowles, Tuan David St. J. Forrer, Tuan M.K. Nathan,

berts, Pengiran Momun bin Pengiran Othman, Tuan Williamson dan Inche Mustapha Haji Tahir.

Jawatan kuasa padang dan menjaga bola hokey — Tuan Norman Vowles, Chegu Abdi Manaf, Inspektor Mustapha dan Tuan M.K. Nathan.

Jawatan kuasa membuat rancangan pertandingan — Tuan Norman Vowles, Pengiran Puteh dan Inche Sulaiman.

SELAMAT HARI RAYA DARI PESUROH JAYA DAN M.B.

(DARI MUKA EMPAT)

kan segala kerayaan keamanan dan kemakmuran kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan putera putri-nya serta kepada sakalian ra'ayat Duli Tuanku yang beragama Islam di-dalam Negeri Brunei yang sedang merayakan Hari Raya pada hari ini.

"Hari Raya ia-lah hari bersuka ria yang sangat di-muliakan oleh sakalian kaum Muslimin sama ada tua atau muda yang telah mengerjakan puasa. Pada hari ini selesai-lah sudah hari berpuasa dan dengan mubibbaha kita terus berjalan lagi kehidupan yang lazim.

"Keamanan dan damai adalah niat hati manusia sa-luruh dunia.

"Di-dalam beberapa bulan yang ka-hadapan ini Negeri Brunei menantikan langkah pilihan raya, satu langkah yang sangat mustahak untuk kemajuan negara kita. Saya berdoa langkah ini akan di-buat dengan aman supaya Kerajaan Duli Tuanku dapat mencapai segala cita2 Duli Tuanku dan ra'ayat Duli Tuanku di-Negeri Brunei ini dan saya sudah dengan sa-kali lagi mengucapakan "Selamat Berhari Raya."

Ucapan "Selamat Hari Raya" Dato Seri Paduka berbunyi:

"Saya mengambil sempena mengucap sa-patah dua di-hari yang mulia lagi berbahagia ini dengan melafazkan Selamat Hari Raya 'Idil Fitri kepada sakalian kaum Muslimin khasnya dan penduduk2 Brunei 'am-nya. Pada hari ini sakalian umat Islam bersuka ria, dan bergembira serta bersukhor ka-hadrat Allah Subhanahu Wat'alla sa-lepas menuniakan rukun Islam yang ketiga ya'ni berpuasa pada bulan Ramadan yang baharu sahaja lepas ini.

SUDAH KELAZIMAN

"Maka sudah menjadi kelaziman kepada sakalian umat Islam di-seluruh dunia ini sama ada miskin atau pun kaya mereka menziarahi ka-rumah kaum keluarga dan sahabat handai mereka untok bermafan2 zahir dan batin di-atas segala kesalahan yang telah berlaku. Tetapi bagi pehak diri saya, saya fikir memadai-lah dengan melalui radio ini saya menyampaikan ingatan tulus ikhlas, kasih mesra dan perasaan mubibbaha kepada tuan2 dan puan2 sakalian.

"Saya harap tuan2 dan puan2 sedang menghadapi hari yang berbahagia ini dengan bersuka ria dan mudah2an Allah menchuchor rahmat-nya kepada tuan2 dan puan2 sakalian serta di-panjangkan umur kita dalam sehat wal'afiat dengan mendapat hidayah, taufik dari Tuhan dan semoga dapat meraikan lagi Hari Raya 'Idil Fitri yang sapertai ini di-tahun yang akan datang."

15 BAKAL TUKANG2 MELAYU

BANDAR BRUNEI — Lima belas orang murid2 Sekolah2 Melayu dan Sekolah2 Inggeris kepunyaan Kerajaan telah di-pilih untok belajar di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell, Seria.

Murid2 tersebut ada-lah mengandungi 5 orang dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong; 3 orang dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; 3 orang dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; 2 orang dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan 2 orang dari Anthony Abell College, Seria.

Latehan itu akan mengambil masa sa-lama tiga tahun dan penuntut2 tersebut akan tinggal di-asrama Sekolah Pertukangan di-Seria.

Dalam tahun yang pertama tiap2 orang penuntut akan di-beri dua puluh ringgit sa-bulan, tahun yang kedua dua puluh lima ringgit sa-bulan dan tahun yang ketiga sa-banyak tiga puluh ringgit sa-bulan.

Sa-lain dari itu tiap2 orang penuntut akan di-beri enam puluh ringgit untok pakaian dan lain2 pemberian oleh Sharikat Minyak Brunei Shell.

Penuntut2 yang berjaya dalam peperiksaan pemilihan untok belajar di-Sekolah Pertukangan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Sulai bin Nawai, Jelingai bin Pajeh, Abu Hashim bin Maaruf, Sadai bin Puchok dan Junet bin Sapoi — semua-nya dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

Mohamed Sham bin Ismail, Abit bin Ambun dan Ismail bin Abdullah — dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Mohamed Jaafar bin Jaludin, Zulkifli bin Besar dan Abdul Rahman bin Mokti — dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Adas bin Mohamed Ali dan Ismail bin Haji Damit — dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Brunei.

Mohamed bin Kudi dan Rabae bin A. Metali — dari Anthony Abell College, Seria.

JOHAN TENNIS

SERIA — Pertandingan untok merebutkan gelaran Johan pertandingan tennis bagi seluroh Negeri Brunei akan di-langsungkan di-sini pada 14 April.

Johan bahagian sa-orang pada tahun yang lalu ia-lah G.H. Vaughan, manakala johan bahagian bergu ia-lah G.H. Vaughan dan R.C. Lemon.

AHLI2 TINJU EMPAT KAWASAN BERLAWAN DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Satu perlawanan tinju antara ahli2 tinju yang terkenal di-Bandar Brunei, Seria, Kuala Belait dan Labuan akan di-adakan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei pada malam 8 April.

Perlawanan itu di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei.

Tiket2 berharga \$3, \$2 dan \$1 boleh-lah di-beli terlebih dahulu

di-Pejabat Penerangan, Bandar Brunei; atau pun di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College, pada malam tersebut.



Beberapa orang pegawai Jabatan Ugama Brunei telah berkunjung ke-Muara pada petang Juma'at 17 March yang lalu untok melihat anak bulan Shawal bagi menandakan Hari Raya. Gambar ini menunjukkan mereka itu meneropong anak bulan.

Malaya enggan di-jadikan pangkalan tentera

KUALA LUMPUR — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak akan membenarkan sa-barang tempat di-negeri ini menjadi pangkalan untuk kegiatan2 tentera sa-kira-nya berlaku peperangan di-Laos akibat champor tangan asing.

Kerajaan Persekutuan berharap bahawa masa'alah Laos itu akan dapat di-selesaikan dengan damai.

Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah membuat kenyataan ini berhubung dengan suatu berita dari Washington yang menyebut "kalangan2 yang di-perchayai" sa-bagai berkata bahawa tentera2 Commonwealth—Inggeris, Australia dan New Zealand yang sekarang di-Malaya mungkin akan bertindak di-Laos.

Laporan itu sa-lanjut-nya berkata bahawa rundingan2 tentang perkara itu telah pun di-lakukan dengan Kerajaan Persekutuan.

Menurut laporan itu lagi pemindahan askar2 Commonwealth itu untuk bertindak ka-luar negeri hanya boleh di-lakukan dengan izin Kerajaan Persekutuan.

Dalam kenyataan-nya Tun Razak berkata:

"Kerajaan Persekutuan sentiasa memandang keadaan di-Laos itu dari segi dasar luar-nya yang bebas. Ia berasa bimbang tentang keadaan yang makin merosot di-Laos itu.

"Kerajaan Persekutuan ingin bahawa masa'alah Laos itu dapat di-selesaikan dengan chara2 damai dan akan memberi sokongan-nya kepada sa-barang chadangan yang membawa keamanan di-Laos, termasuk chadangan mengadakan sidang surohanjaya 14 negara.

"Sa-kira-nya berlaku peperangan di-Laos akibat champor tangan asing, maka Kerajaan Persekutuan ingin menegaskan sikap-nya bahawa ia tidak akan membenarkan sa-barang tempat dalam negeri Persekutuan ini digunakan sa-bagai pangkalan untuk kegiatan2 tentera."

Dalam pada itu berita2 dari Bangkok mengatakan bahawa se-

Persediaan menangkis Tshombe

LEOPOLDVILLE, — Bangsa2 Bersatu telah bersiap sedia untuk menerbangkan tentera-nya ka-Katanga sa-telah di-terima berita bahawa askar2 Tshombe yang dipimpin oleh tentera2 upahan Eropah telah menawan Manono, sa-buah pusat perlombongan dari puak pro-Lumumba.

Manono telah di-tawan oleh askar2 Katanga itu pada 30 March kelmarin.

Ia mula-nya di-tawan oleh askar2 pro-Lumumba dari wilayah Orientale awal tahun ini dan telah menjadi ibu negeri wilayah Luabala yang menentang pemerintahan Tshombe.

Komunis.

Suatu sidang pakatan Seato perangkat menteri2 telah diadakan dalam minggu lepas.

Antara yang hadir ia-lah menteri2 dari Australia, New Zealand, Amerika Sharikat, United Kingdom, Pakistan, Filipina dan Siam.

Peranchis yang tidak hadir wakil-nya dalam persidangan itu di-katakan telah di-desak negara2 pakatan itu supaya bersetuju untuk menggunakan kekerasan di-Laos.

mua negara2 pakatan Seato kecuali Peranchis telah bersetuju hendak menggunakan kekerasan di-Laos kira-nya perlu untuk mengelakkan kejatuhan negeri itu ka-tangan pemberontak2 pro-

CHADANGAN MENGUATKAN ANGKATAN BERSENJATA

WASHINGTON. — Presiden Kennedy telah menhadangkan supaya di-perkuatkan lagi angkatan bersenjata Amerika dan telah mengemukakan kepada Kongres, satu rang belanjawan pertahanan yang telah di-kaji sa-mula berjumlah hampir2 44,000 juta ringgit.

Jumlah ini ada-lah berbanding dengan jumlah yang hampir2 42,000 juta ringgit yang telah di-kemukakan kepada Kongres dalam bulan January oleh Presiden Eisenhower bagi tahun belanjawan yang akan di-mulai dari 1 July hadapan.

Chadangan Presiden Kennedy telah di-kemukakan berikutan

dengan satu penyemakan samula yang teliti terhadap susunan pertahanan negara seluruh-nya. Beliau berkata bahawa ia-nya di-buat untuk merangka satu jalan bagi keselamatan Amerika yang baharu dan jelas di-ketika bertambah2-nya bahaya dan harapan yang tidak putus2.

Sidang Korgres Afrika untuk menghapuskan penjajahan

KAHIRAH — Presiden Nasser telah memberi ingatkan kepada ketua2 nasionalis di-seluruh Afrika supaya jangan memperchayai dongeng bahawa penjajahan sedang undur dari bumi Afrika sekarang.

Beliau telah memberi ingatan itu dalam ucapan-nya membuka Kongres Ra'ayat negeri2 Afrika yang di-adakan di-sini baharu2 ini. Ucapan-nya itu telah disambut dengan tepok oleh kira2 300 orang wakil dari 31 buah negeri2 Afrika yang mewakili kira2 60 buah parti politik, kesatuan2 buroh dan pemuda.

Kongres itu ia-lah untuk mengatorkan langkah2 bagi menghapuskan penjajahan di-Afrika dan menyatupadukan kegiatan2 bangsa Afrika dalam soal ekonomi dan politik.

Wakil2 telah mendengar kawat2 tahniah dari pemimpin2 dunia, antara-nya Tuan Khrushchev, Perdana Menteri Soviet dan Tuan Chou En Lai, Perdana Menteri China Komunis.

Mengenai Congo, Presiden Nasser berkata:

"Kita harus mengaku walau bagaimana pahit sa-kali pun bahawa perjuangan kemerdekaan telah kalah di-Congo sungguh pun telah banyak pengorbanan dan sekian ramai menjadi mangsa."

Presiden Nasser sa-lanjut-nya berkata bahawa penjajah telah menchuri tanah2 yang baik dan lombong2 yang kaya dengan galian dan memberikan-nya kepada petualang2 dari seberang laut.

NEHRU KUTOK UCHAPAN CHINA DI-PERSIDANGAN KEAMANAN

NEW DELHI. — Perdana Menteri India, Tuan Nehru, telah mengutok satu ucapan pehak China di-Persidangan Majlis Keamanan Dunia di-sini yang menyatakan bahawa sa-jumlah besar orang India ada-lah menyokong pendiri China Komunis atas pertelingkahan sempadan China-India.

Ahli2 perlemen India yang meradang telah menuduh perwakilan China di-Majlis Keamanan tersebut menggunakan Delhi sa-bagai pentas untuk membuat tuduhan palsu dan menchachi India.

Tuan Nehru menjawab bahawa ucapan pehak China ada-lah sangat2 di-tentang, tetapi beliau telah menambah-kata bahawa Majlis Keamanan itu ada-lah sa-buah pertubuhan yang bekerja untuk keamanan tetapi di-samping itu selalu digunakan sa-bagai tempat membuat kenyataan2 yang mem-bidas.

Ada-lah susah, kata beliau, untuk menahan orang2 daripada masuk ka-India untuk menghadiri persidangan tetapi beliau bersetuju bahawa kerajaan mesti-lah membuat satu2 garisan menghad.

Tuan Nehru membayangkan di-parlemen bahawa India harus akan memberhentikan penghantaran tentera-nya ka-Congo sa-kira-nya Bangsa2 Bersatu tidak mengambil kuasa samula atas pelabohan Matadi di-Congo.

Beliau menyatakan bahawa Bangsa2 Bersatu mesti-lah menduduki sa-mula pelabohan tersebut dengan menggunakan kekerasan, jika mustahak. India tidak boleh terus menghantar tentera-nya ka-sana, jika mereka tidak dapat jaminan tentang keselamatan mendarat.

Tuan Nehru menyatakan bahawa fikiran yang tidak sama telah timbul tatkala soal Congo di-perbincangkan di-persidangan Perdana2 Menteri Commonwealth baharu2 ini di-London.